

ADTEC Kulim, 26 Jun 2022 - Seramai 453 graduan ADTEC Kulim yang menamatkan pengajian pada tahun 2019, 2020 dan 2021 dianugerahkan diploma sempena Majlis Konvokesyen ILJTM Ke-25 Peringkat ADTEC Kulim yang telah berlangsung pada 26 Jun 2022, baru-baru ini. Majlis yang berlangsung di Dewan Kuliah Utama, ADTEC Kulim ini menyaksikan 260 daripada 453 graduan telah hadir untuk menerima folder sijil masing-masing di atas pentas. Majlis konvokesyen kali ini berlangsung selama sehari dan terbahagi kepada dua sidang iaitu sidang pagi dan sidang petang.

Majlis bermula tepat pada jam 9.30 pagi sebaik pengacara majlis mengumumkan perarakan masuk tetamu kehormat sidang pertama iaitu YB Dato' Norsabrina binti Mohd Noor, ADUN Bandar Baharu ke dalam dewan dengan diiringi oleh Pengarah-Pengarah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia Wilayah Utara, Timbalan Pengarah Latihan dan Timbalan Pengarah Operasi ADTEC Kulim serta tetamu jemputan khas jabatan kerajaan yang hadir. Penyerahan diploma kepada graduan telah disempurnakan oleh YB Dato' Norsabrina binti Mohd Noor, ADUN Bandar Baharu sebaik selesai Pengarah ADTEC Kulim, Tn. Hj. Abu Sallehein bin Nordin membacakan watakah penganugerahan diploma bagi tahun 2022. Majlis diteruskan lagi dengan sidang kedua yang disempurnakan oleh YB Dato' Wira Dr. Ku Abdul Rahman bin Ku Ismail, Pengerusi JK Industri & Pelaburan, Sains, Teknologi & Inovasi dan Pengajian Tinggi.

Dalam majlis tersebut juga, lima orang graduan telah diumumkan sebagai penerima anugerah graduan terbaik tahun 2022. Kriteria Pemilihan anugerah adalah berdasarkan kepada kecemerlangan graduan dalam pencapaian akademik, ko-kurikulum, disiplin yang baik dan juga penglibatan aktif sama ada di peringkat institut, jabatan, kebangsaan dan juga antarabangsa. Lima orang pelajar yang merangkul Anugerah Graduan Terbaik adalah Encik Muhammad Zulazri Hanis bin Mohd Nawawi (Diploma Teknologi Kejuruteraan Mekatronik), Encik Ariff Fazran bin Asrolrizal (Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Pemesinan)), Encik Muhammad Firdaus bin Johari (Diploma Teknologi Kejuruteraan Mekatronik), Cik Nuraini binti Ab. Rahim (Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Perkakasan-Mould)) dan Encik Muhammad Ikhwan bin Mohd Monier (Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Pemesinan)).

Tahniah kepada semua para graduan sekalian.semoga para graduan bersedia menghadapi cabaran mendatang dengan berlandaskan ilmu dan pengalaman yang menjadikan pedoman dan batu sempadan agar tidak hanyut dalam arus kemodenan .Gunakanlah segala ruang dan peluang yang ada untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan,kemahiran serta sahsiah diri demi kecermerlangan yang diimpikan . Tahniah dan terima kasih juga kepada semua warga kerja ADTEC Kulim, Majlis Perwakilan Pelajar dan lain-lain pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penganjuran majlis konvokesyen kali ini.

***Keris Berhulu Tinggalan Pusaka
Diasah Selalu Tajam Berbisa
Kita Anak Jiwa Merdeka
Menggalas Harapan Dan Maruah Bangsa.***

Gambar sekitar Majlis Konvokesyen ILJTM Peringkat ADTEC Kulim Tahun 2022



Perarakan para graduan masuk ke Dewan Kuliah Utama



YB Dato' Norsabrina binti Mohd Noor, ADUN Bandar Baharu menandatangani Buku Pelawat sebelum majlis konvokesyen sidang pagi bermula.



YB Dato' Wira Dr. Ku Abdul Rahman bin Ku Ismail, Pengerusi JK Industri & Pelaburan , Sains, Teknologi & Inovasi dan Pengajian Tinggi menandatangani Buku Pelawat sebelum majlis konvokesyen sidang petang bermula.



YB Dato' Norsabrina binti Mohd Noor, ADUN Bandar Baharu menyampaikan diploma kepada graduan



YB Dato' Wira Dr. Ku Abdul Rahman bin Ku Ismail, Pengerusi JK Industri & Pelaburan , Sains, Teknologi & Inovasi dan Pengajian Tinggi ADUN menyampaikan diploma kepada graduan



Wajah kegembiraan para graduan yang telah berjaya mendapat segulung Diploma.



Salah satu penerima Anugerah Graduan Terbaik



Penerima Anugerah Graduan Terbaik bersama barisan graduan yang telah berjaya.